

BELATUK PUNGGOH
Grey-and-buff Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Hemicircus concretus*



CIRI-CIRI: Spesies ini mempunyai saiz yang agak kecil dan ekor yang pendek dengan jambul yang berbentuk tiga segi. Bahagian atas kepala berwarna merah, bahagian mantel berwarna kuning keputihan manakala bahagian bawah tongkeng berwarna putih. Bagi burung betina, warna di bahagian atas kepala agak pudar. Bagi burung juvenil pula, warnanya hampir sama dengan warna burung betina.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung betina adalah 14.0 sm.

MAKANAN: Serangga, ketam, amfibia, ikan dan tumbuhan.

HABITAT: Kawasan hutan paya air tawar, kawasan air yang berumput, sawah padi dan adakalanya ditemui di kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari aras laut.

BUNYI: Burung ini mengeluarkan 10-12 nota bunyi *ogh* dan *kok* dan 10-12 nota bunyi *ootoomb* atau *utumb* yang laju serta bunyi seakan-akan dentuman, berakhir dengan 5-6 nota bunyi *kluck*. Semasa dalam keadaan terancam, ia akan mengeluarkan bunyi *krey* yang kasar.

TABIAT: Mencari makanan di waktu pagi dan senja.

PEMBIAKAN: Musim membiak pada bulan Mei hingga September di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan yang besar dan adakalanya berbentuk kanopi di kawasan permukaan tanah atau di kawasan tumbuhan berlumpur. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-10 biji berwarna putih berkilat atau kuning pucat ke warna merah jambu serta terdapat tompokan berwarna coklat kemerahan dan jalur-jalur yang berwarna keunguan. Telur ini mempunyai ukuran di antara 39-46.6 X 32-37.8 mm.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara.